

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 2, 2017 11:21 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Pendaftaran Pelajar Baharu Pasca Siswazah Lancar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



02 FEBRUARI 2017 / 05 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PASCA SISWAZAH LANCAR



UUM ONLINE: Pendaftaran pelajar pasca siswazah Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) dan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) bagi kemasukan Semester Kedua Sesi 2016/2017 berjalan lancar, semalam.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Zeljko Sevic mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan 74 pelajar yang berjaya mendaftar sekali gus menjadi sebahagian daripada warga UUM.

“Saya berharap para pelajar dapat melengkapkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dan bergraduasi dengan jayanya,” katanya ketika menyampaikan ucapan aluan.

Jelasnya, OYAGSB sentiasa membuat penambahbaikan kepada kandungan program sedia ada, seiring dengan keperluan akreditasi di peringkat antarabangsa seperti Association of MBAs (AMBA) dan Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).

Pelajar Sarjana Sains Perakaunan Antarabangsa, Shahrizul Ismail berkata, peluang mengikuti pengajian di UUM ini amat bernilai kerana ilmu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti diri di samping membangunkan kerjaya.

“Sebenarnya sudah lama saya nak sambung belajar untuk menambah ilmu dan kemahiran apatah lagi kerja yang digalas perlu ada satu *value added* dalam meningkatkan mutu kerja.

“Ini jalan yang saya pilih, saya sudah bersedia mengharungi segala cabaran dan untuk berjaya banyak pengorbanan yang perlu dilakukan dari segi masa, tenaga dan wang walaupun terikat dengan pelbagai komitmen,” ujarnya.

Tuhan memudahkan laluan apabila mendapat sokongan majikan dan cuti belajar untuk menumpukan sepenuh perhatian selama dua tahun dengan mengikuti kelas pada setiap Jumaat dan Sabtu.

Bercerita mengenai kerjayanya, beliau yang juga pelajar Sarjana Muda Perakaunan di UUM pada 2005 bertugas sebagai Penolong Pengarah Kastam di Bahagian GST, Putrajaya.

“Memandangkan GST baru dilaksanakan masih banyak lompong yang berlaku dan banyak kekurangan dari segi pelaksanaan.

“Apabila pihak kita menerima *refund* dari organisasi, badan berkanun atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk tuntutan GST, kita akan membuat analisis sebelum dihantar kepada ketua unit.

“Di sinilah peranan saya untuk membuat justifikasi sama ada layak atau tidak berdasarkan dokumen yang diberikan kerana peniaga sangat kreatif mencipta taktik ketika membuat tuntutan,” ujarnya.

Manakala Lubna Niyomdicha dari Patani, Thailand teruja mengikuti pengajian di UUM yang memiliki kemudahan yang selesa dan suasana pembelajaran yang kondusif selain terpicat dengan keindahan alam semulajadi yang dikelilingi bukit bukau yang mendamaikan.

“Saya bersyukur berada di sini, jika tidak menjejakkan kaki ke UUM ramai yang tidak tahu kecantikan yang tersimpan di Sintok yang terkenal dengan landskap semulajadi,” ujarnya yang pernah berkampung di UUM selama empat bulan ketika mengikuti kelas intensif Bahasa Inggeris dan kenangan itu membuatnya ingin kembali ke UUM.

Lubna yang juga pelajar Sarjana Muda Ekonomi dari Chiang Mai University memilih OYAGSB untuk melanjutkan pelajaran bagi program Sarjana Pengurusan Sumber Manusia.

Menjadikan bapanya sebagai sumber inspirasi, Lubna tekad mengejar cita-cita untuk bergelar profesor suatu hari nanti sekalipun terpaksa melangkah sempadan negara dan berjauhan dari keluarga tersayang.

“Peluang ini harus dimanfaatkan sebaik mungkin bagi meningkatkan potensi diri dan kualiti hidup, perjuangan menuntut ilmu di Malaysia menjadi landasan terbaik untuk menabur bakti kepada masyarakat,” luahnya.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan, Mohd Khairy Mukhtaruddin berkata, seramai 113 pelajar pascasiswazah mendaftar kemasukan ke AHS GS, di Foyer Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC).

Ulasnya, bagi kemasukan Semester Kedua Sesi 2016/2017 (A162), sebanyak 364 surat tawaran telah dikeluarkan kepada 176 pelajar tempatan dan 188 pelajar antarabangsa.

“Sejak pagi tadi proses pendaftaran berjalan lancar dan mereka kelihatan sungguh bersemangat, semoga mereka belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan di samping menggunakan kesempatan belajar di UUM,” tambahnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.